



**GARIS PANDUAN MAJIKAN  
BAGI PELAKSANAAN PROGRAM UJIAN  
SARINGAN COVID-19 FASA PEMULIHAN**

**2021**  
**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada majikan berkenaan pelaksanaan Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan.

## **2. LATAR BELAKANG PROGRAM UJIAN SARINGAN COVID-19 DI BAWAH FASA PEMULIHAN**

- 2.1 Program Ujian Saringan COVID-19 di bawah Fasa Pemulihan dilaksanakan sebagai usaha bagi memastikan penularan wabak COVID-19 dapat dikekang sewaktu sektor pekerjaan kembali beroperasi.
- 2.2 Program ini terbuka kepada semua pekerja termasuk pekerja asing yang mencarum dengan PERKESO berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh PERKESO. PERKESO membekalkan kit ujian COVID-19 kepada majikan berdasarkan bilangan pekerja yang aktif mencarum dengan PERKESO dan majikan bertanggungjawab untuk menyelaraskan ujian saringan COVID-19 di kalangan pekerja.

## **3. KRITERIA KELAYAKAN**

- 3.1 Program ini terbuka kepada semua majikan yang aktif mencarum dengan PERKESO di mana semua pekerja termasuk pekerja asing adalah layak berdasarkan semakan caruman pekerja dalam Portal ASSIST PERKESO.

## **4. KAEDAH PELAKSANAAN**

- 4.1 Majikan perlu mendaftar bagi program ini terlebih dahulu sebelum permohonan kit ujian boleh dibuat. Pendaftaran boleh dibuat di Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my>). Majikan perlu menggunakan alamat emel yang didaftarkan di Portal ASSIST PERKESO bagi mempercepatkan proses pendaftaran.

- 4.2 Selepas pendaftaran berjaya, majikan boleh membuat permohonan kit ujian di portal yang sama. PERKESO membekalkan dua jenis kit ujian iaitu COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by doctors) dan COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva).

Bermula 8 November 2021, hanya COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva) akan dibekalkan kepada majikan.

#### **4.2.1 COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva)**

PERKESO akan membekalkan Self-Test COVID-19 Test Kit kepada majikan dan majikan bertanggungjawab untuk memastikan ujian saringan COVID-19 dijalankan di kalangan pekerja. Majikan juga bertanggungjawab untuk melaporkan keputusan ujian saringan melalui Portal PSP

#### **4.2.2 COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by doctors)**

PERKESO akan membekalkan RTK Antigen IVD kepada majikan dan majikan bertanggungjawab untuk menyelaraskan ujian saringan COVID-19 di mana-mana klinik atau hospital yang dipilih oleh majikan. Keputusan ujian saringan akan dikeluarkan oleh klinik atau hospital. Kos perkhidmatan bagi ujian saringan ini perlu ditanggung oleh majikan.

- 4.3 Bekalan kit ujian yang layak dimohon oleh majikan akan ditentukan berdasarkan bilangan pekerja yang aktif mencarum dengan PERKESO di bawah kod majikan masing-masing. Bilangan pekerja yang layak akan ditentukan berdasarkan semakan caruman aktif pekerja dalam Portal ASSIST PERKESO.
- 4.4 Majikan perlu memastikan dan mengesahkan jumlah permohonan kit ujian yang dimohon adalah bertepatan dengan jumlah pekerja yang mencarum di bawah kod majikan masing-masing.

- 4.5 Sekiranya bilangan kit ujian yang ingin dimohon melebihi bilangan pekerja yang layak, majikan hendaklah mengemaskini jumlah pekerja dan caruman di Portal ASSIST. Majikan boleh merujuk kepada panduan penggunaan bagi Portal ASSIST ([ASSIST User Guide](#)).
- 4.6 Bagi setiap permohonan bekalan kit ujian, majikan hanya dibenarkan untuk menghantar satu permohonan sahaja untuk satu kod majikan.
- 4.7 Penghantaran bekalan kit ujian boleh dibuat berdasarkan lokasi-lokasi yang ditentukan oleh majikan. Majikan perlu menentukan terlebih dahulu lokasi penghantaran serta bilangan kit yang perlu dihantar ke lokasi-lokasi yang berbeza.
- 4.8 Penghantaran kit ujian akan dibuat dalam tempoh sehingga sepuluh (10) hari daripada tarikh permohonan oleh majikan. Oleh itu, majikan hendaklah merancang ujian saringan sebelum tempahan kit ujian dibuat.
- 4.8 Selepas majikan menerima bekalan kit ujian, majikan perlu memastikan ujian saringan COVID-19 dilaksanakan di kalangan pekerja. Penggunaan kit ujian ini akan direkodkan dan majikan boleh merujuk *dashboard* untuk mendapatkan status terkini penggunaan kit ujian bagi majikan masing-masing.

#### **4.8.1 COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by doctors)**

Majikan perlu menyelaraskan ujian saringan COVID-19 bersama klinik dan hospital yang telah dipilih oleh majikan. Keputusan ujian saringan akan dikeluarkan oleh klinik atau hospital. Klinik atau hospital akan melaporkan keputusan saringan melalui melalui Portal SSP (<https://ssp.perkeso.gov.my>). Kos perkhidmatan bagi ujian saringan perlu ditanggung oleh majikan.

#### **4.8.2 COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva)**

Majikan bertanggungjawab untuk memastikan ujian saringan COVID-19 dijalankan di kalangan pekerja. Majikan juga bertanggungjawab untuk melaporkan keputusan ujian saringan melalui Portal PSP.

- 4.9 Bagi memastikan majikan dapat melaksanakan ujian saringan COVID-19 secara berterusan, PERKESO membenarkan tempahan baru dibuat oleh majikan untuk mendapatkan bekalan kit ujian yang seterusnya. Walau bagaimanapun, tempahan baru hanya dibenarkan kepada majikan yang telah menggunakan sepenuhnya kit ujian yang dibekalkan sebelum ini

### **5. CARTA ALIR PELAKSANAAN PROGRAM**

- 5.1 Kaedah pelaksanaan program ini adalah seperti berikut.

5.1.1 Majikan membuat pendaftaran di Portal PSP. Majikan perlu menggunakan alamat emel yang didaftarkan di Portal ASSIST PERKESO untuk mempercepatkan proses pendaftaran. Sekiranya alamat emel tidak sama, PERKESO akan menghubungi pihak majikan bagi mendapat pengesahan identiti wakil majikan.

5.1.2 Majikan membuat permohonan dan menyemak maklumat majikan yang dipaparkan iaitu nama majikan, kod majikan dan jumlah pekerja. Sekiranya jumlah pekerja tidak sama dengan jumlah pekerja sebenar, sila semak dan kemaskini senarai dan caruman pekerja di Portal ASSIST.

5.1.3 Majikan memilih jenis kit ujian yang ingin dimohon dan memasukkan maklumat lokasi penghantaran bekalan kit ujian.

5.1.4 Majikan menghantar permohonan yang telah disemak.

5.1.5 Majikan menerima bekalan kit ujian dalam tempoh sepuluh (10) hari.

- 5.1.6 Sekiranya majikan menerima COVID-19 Rapid Test Kit Self-Test (Saliva), majikan perlu menjalankan ujian saringan COVID-19 di kalangan pekerja. Majikan perlu melaporkan keputusan ujian saringan kepada PERKESO melalui Portal PSP.
- 5.1.7 Sekiranya majikan menerima COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by Doctors), majikan perlu mengenalpasti klinik atau hospital untuk menjalankan ujian saringan. Kos perkhidmatan ujian saringan perlu ditanggung oleh majikan. Klinik atau hospital mengeluarkan laporan ujian saringan COVID-19 kepada pekerja.
- 5.1.8 Majikan membuat semakan status penggunaan kit ujian di *dashboard*.
- 5.1.9 Selepas bekalan kit ujian telah digunakan sepenuhnya, majikan boleh membuat tempahan untuk bekalan kit ujian yang baru.
- 5.1.10 Rujuk carta alir di bawah untuk panduan.

## PROGRAM UJIAN SARINGAN COVID-19 DI BAWAH FASA PEMULIHAN (PANDUAN MAJIKAN)

